



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN
NEGERI PERLIS**

IKLAN JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa daripada calon yang memenuhi syarat-syarat yang dinyatakan di bawah bagi mengisi jawatan berikut:-

1. a) **Jawatan** : Pegawai Penerangan
- b) **Skim/ Gred** : S41
- c) **Jabatan** : Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis
- d) **Kumpulan Perkhidmatan** : Pengurusan dan Profesional
- e) **Klasifikasi Perkhidmatan** : Sosial
2. **Jadual Gaji** : RM2,078.00 dan Elaun Khas
3. **Syarat Lantikan** :

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-

- i. Warganegara Malaysia;

- ii. Berumur **tidak kurang dari 18 tahun** pada tarikh tutup iklan jawatan; **dan**
- iii. Ijazah sarjana muda dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; **atau**
- iv. Ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; **atau**
- v. Ijazah Sarjana Muda Komunikasi Massa dengan kepujian yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; **atau**
- vi. Ijazah Sarjana Muda Sains Kemasyarakatan dengan kepujian yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. **dan**
- vii. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **Kepujian** (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Pelajaran Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

4. **Syarat-syarat Tambahan Lantikan** :

- i. Calon yang mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya tiga (3) tahun di dalam bidang yang berkaitan akan diutamakan;
- ii. Mempunyai personaliti dan berpewatakan yang menarik, lincah dan profesional;
- iii. Mempunyai kemahiran berkomunikasi, negosiasi dan diplomasi yang baik;
- iv. Fasih bertutur dan menulis di dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris;

- v. Berkemahiran tinggi di dalam teknologi komunikasi dan maklumat (ICT) terutamanya di dalam penggunaan aplikasi-aplikasi berkaitan dengan pengurusan media sosial;
- vi. Mempunyai pengalaman/ kemahiran di dalam menulis teks ucapan, kenyataan media, analisis isu dan berita;
- vii. Mempunyai pengetahuan yang tinggi di dalam isu-isu semasa dan politik negara; dan
- viii. Boleh bekerja di bawah tekanan dan kerja lebih masa.

5. Taraf Jawatan : Kontrak (*Contract For Service*)

6. Penaklukan Di Bawah Syarat-syarat :

Kontrak selama satu (1) tahun seperti mana yang telah dipersetujui di dalam perjanjian kontrak dan tertakluk kepada keputusan Kerajaan Negeri bagi penyambungan kontrak.

7. Deskripsi Tugas :

- 7.1 Menyelaras dan menguruskan hal-ehwal perkhidmatan kaunter khidmat pelanggan di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis.
- 7.2 Mengukuhkan rangkaian komunikasi dua hala di antara Kerajaan dan pelanggan/ *stakeholders*/ rakyat bagi meningkatkan kualiti penyampaian maklumat serta perkhidmatan Kerajaan.
- 7.3 Merancang, menguruskan dan menyelaras promosi/ publisiti/ kempen/ dasar Kerajaan Negeri di media massa, media elektronik, media sosial, media atas talian dan lain-lain platform yang berkenaan.

- 7.4 Merancang, menguruskan dan menyelaras bidang komunikasi visual khususnya pameran, grafik, multimedia, perpustakaan digital, fotografi serta mendokumentasikan koleksi video dan gambar.
- 7.5 Menguruskan dan menyelaras teks ucapan/ kenyataan media/ *talking points* bagi YB Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis.
- 7.6 Urus setia dan penyelaras untuk sidang akhbar/ sidang media/ penggambaran TV/ Radio serta sesi temubual bagi YB Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis.
- 7.7 Bertindak sebagai pegawai penyelaras media dan pegawai perhubungan di antara jabatan/ agensi/ kementerian dengan Kerajaan Negeri.
- 7.8 Menguruskan dan menyelaras kajian/ soal-selidik mengenai kepuasan pelanggan atau lain-lain kajian sosial.
- 7.9 Menyediakan takwim tahunan SUK Perlis/ kalendar aktiviti/ Prospektus yang melibatkan aktiviti pelancongan/ sambutan peringkat negeri dan lain-lain sambutan di negeri Perlis.

8. Permohonan :

Permohonan hendaklah dibuat dengan mengisi Borang Permohonan Pengisian jawatan yang boleh dimuat turun melalui laman sesawang di pautan www.perlis.gov.my SAHAJA. Borang permohonan tersebut hendaklah dikemukakan melalui emel hrsukperlis01@gmail.com atau dihantar terus ke alamat seperti berikut :

**Setiausaha Bahagian
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis
Aras 1, Kompleks Dewan Undangan Negeri
Persiaran Wawasan
01000 Kangar, Perlis**

Calon yang layak dan memenuhi syarat sahaja akan dipanggil untuk temuduga pada tarikh yang akan ditentukan kelak.

9. Tarikh Tutup Permohonan :

Pada 30 Jun 2022 sebelum jam 5.00 petang.